

**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
**Wisma Kewangan**  
**88593 Kota Kinabalu**  
**Sabah, Malaysia**  
**Tel.: 088-251513/251514/251516**  
**Faks: 088-237605**  
**Website: www.mof.sabah.gov.my/**

**Tel.** : 088 – 252692  
**Bil.** : KEW100-29/3/126  
**Tarikh** : 04 Januari 2010

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Mayor Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu  
Semua Presiden Majlis Perbandaran  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI BIL.  
1/2010 KENDERAAN GUNASAMA KERAJAAN**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan semua Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri mengenai pewujudan Sistem Kenderaan Gunasama Kerajaan Negeri di bawah pengurusan Jabatan Kerja Raya.

**2. OBJEKTIF**

- 2.1 Sistem Kenderaan Gunasama diwujudkan adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan penggunaan kenderaan untuk tujuan urusan rasmi Jabatan - jabatan Kerajaan Negeri yang mana dibuat secara ad-hoc atau bermusim.

### 3. JENIS KENDERAAN GUNASAMA

3.1 Jenis dan bilangan kenderaan gunasama yang ditempatkan di Jabatan Kerja Raya adalah seperti Jadual di bawah:-

BIL	JENIS	QTY	TAHUN DIBELI	KEUPAYAAN ENJIN	BIL. TEMPAT DUDUK	KADAR SEWA HARIAN
1	Toyota Coaster Bas	2	2002	4163 S.P	26	RM550.00 (termasuk pemandu).
2	Nissan Urvan	2	2007	2953 S.P	13	RM200.00 (tidak termasuk pemandu).
3	Nissan Serena	2	2006	1918 S.P	07	RM200.00 (tidak termasuk pemandu).
4	Toyota Fortuner 2.5 (M) (4x4)	5	2006	2494 S.P	07	RM190.00 (tidak termasuk pemandu).
5	Toyota Fortuner 2.5 (A) (4X4)	5	2009	2494 S.P.	07	RM 190.00 (tidak termasuk pemandu).

### 4. SYARAT-SYARAT SEWA

- 4.1 Kaedah sewa adalah secara harian dan untuk urusan rasmi sahaja.
- 4.2 Tempoh penyewaan adalah untuk jangka pendek sahaja dengan tempoh maksima tidak melebihi tempoh 30 hari.
- 4.3 Sewa dikira mulai dari kenderaan diguna dan sehingga dikembalikan.

- 4.4 Pengiraan sewa bagi penyewa kenderaan yang tidak ditetapkan tempoh, seperti penyewaan kenderaan untuk tujuan penggunaan para pegawai dan pembesar dari luar negari/ negeri atau untuk tujuan penggunaan pada perayaan - perayaan, akan dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk pengesahan.

## **5. KAEDAH SEWA**

- 5.1 Isi dan lengkapkan Borang Tempahan daripada Laman Web Jabatan Kerja Raya dan hantar kepada Ibu Pejabat Cawangan Mekanikal, Jabatan Kerja Raya sama ada melalui hantaran tangan atau kiriman.
- 5.2 Tempahan hendaklah dibuat 2 hari lebih awal daripada tarikh penggunaan.
- 5.3 Kecuali Bas 24 seater, setiap kenderaan yang disewakan akan diserahkan kepada pemandu Jabatan pengguna dengan tangki penuh (diesel atau petrol).
- 5.4 Kecuali Bas 24 seater, setiap kenderaan yang digunakan hendaklah dikembalikan kepada Ibu Pejabat, Cawangan Mekanikal JKR Putatan dengan tangki penuh minyak (diesel atau petrol).
- 5.5 Setiap kenderaan yang disewa hendaklah dikembalikan dalam keadaan sebagaimana ianya dipinjamkan. Sebarang kerosakan akibat kemalangan, kehilangan atau lainnya adalah tanggungjawab Jabatan pengguna.

## **6. PERLINDUNGAN INSURAN**

- 6.1 Perlindungan insuran bagi penjawat awam adalah di bawah insuran Kerajaan. Manakala bagi orang perseorangan yang bukan penjawat awam hendaklah mendapat perlindungan insuran peribadi.

## **7. PEMBAYARAN**


- 7.1 Bil tuntutan pembayaran akan dikemukakan kepada Jabatan pengguna melalui Cawangan Akaun, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.
- 7.2 Jabatan pengguna hendaklah mengemukakan pembayaran atas nama Pengarah Kerja Raya, Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Kota Kinabalu.

## **8. KUATKUASA**

- 8.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta.
- 8.2 Sebarang kemusykilan hendaklah dirujuk kepada Ketua Penolong Pengarah / Mekanikal, Jabatan Kerja Raya Kota Kinabalu atau hubungi ditalian 088 – 244333.

Sekian, terima kasih.

**' JIMAT DAN PRODUKTIF '**



**( Yusoff bin Datuk Hj. Mohd. Kassim, PGDK )**

Setiausaha Tetap

Kementerian Kewangan Negeri Sabah